

# ***SEJARAH PENUBUHAN***

Semuanya bermula dengan V-25 yang digunakan oleh rakan-rakan amatir ketika bermobil disekitar Kuala Lumpur. Kesederan untuk mengwujudkan sebuah pancar ulang ini timbul apabila ramai rakan-rakan amatir dari luar kawasan Lembah Kelang mula menggunakan frekuensi ini untuk mendapatkan info trafik dan maklumat lain. Memandangkan Saluran simplex adalah sangat terhad penerimaannya dan maklumat serta info yang hendak disampaikan kadangkala tidak sampai kepada matlamatnya maka 9W2 00B, 9W2 LLH dan 9W2 WAS akhirnya duduk berbincang untuk mengwujudkan sebuah pancar ulang di bawah kelolaan Waja Performance Club (WPC) yang di terajui oleh 9W2 WAS Sendiri.

Malangnya Usaha ini tidak kesampaian kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia hanyalah untuk kelab amatir sahaja. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan. Undang-undang kelab mula digubal. Logo kelab pula dibuat oleh Ahli Jawatankuasa bertindak dan pada akhirnya dilakar dan disiapkan oleh 9W2 ZRO dan dikemaskinikan oleh 9W2 KEA untuk kemas terakhir. Pada 1hb Mei, 2010 tertubuhlah sebuah kelab yang diberi nama **KELAB RADIO AMATUR KUALA LUMPUR** pada asalnya. Pada 10hb Mei, 2010 urusan pendaftaran ke Pejabat Pertubuhan telahpun dilaksanakan.

Setelah menunggu hampir 3 bulan maka pada 13hb Ogos bersamaan dengan 3 Ramadhan 1431 maka dengan sedikit perubahan **KELAB PEMINAT RADIO AMATUR KUALA LUMPUR (RAKL)** tertubuh dengan Rasminya. Pada 30hb Ogos, 2010 urusan dengan SKMM pun bermula dan akhirnya Kita semua telah boleh menggunakannya. Terima kasih pada semua yang terlibat .

SELAMAT MEMANCAR

**'FREKUENSI KITA TANGGUNGJAWAB KITA'**

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jaw', with a horizontal line above it and a small circle at the end of the signature.